



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 61
No. 13

19hb Jun 2008

*TAMBAHAN No. 8
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 8.

ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM (SELANGOR) 1999

KAEDAH-KAEDAH PENGURUSAN WASIAT ORANG ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2008

SUSUNAN KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERMOHONAN WASIAT

3. Permohonan
4. Borang
5. Dokumen sokongan
6. Pendaftaran

BAHAGIAN III

PENULISAN WASIAT

Kaedah

7. Cara penulisan
8. Semakan Borang Wasiat Bertulis

BAHAGIAN IV

PENYIMPANAN WASIAT

9. Cara penyimpanan
10. Penyimpanan
11. Pindaan, pembatalan atau perubahan

BAHAGIAN V

PEMBATALAN WASIAT

12. Pemberitahuan pembatalan
13. Surat memberitahu pembatalan
14. Permohonan selepas pembatalan

BAHAGIAN VI

KEMATIAN PEWASIAT

15. Pemberitahuan
16. Pengesahan

BAHAGIAN VII

SIASATAN DAN PENILAIAN HARTA

17. Majlis mengadakan siasatan
18. Siasatan ke atas harta pewasiat
19. Penilaian harta tak alih

BAHAGIAN VIII

PEMBACAAN WASIAT

20. Pemberitahuan

Kaedah

21. Kadar wasiat
22. Pembacaan wasiat

BAHAGIAN IX

PENGESAHAN WASIAT

23. Pengesahan wasiat di Mahkamah Syariah

BAHAGIAN X

PELAKSANAAN WASIAT

24. Pelaksanaan wasiat

BAHAGIAN XI

PELBAGAI

25. *Hukum Syarak*
26. Bayaran perkhidmatan
27. Ketidakpatuhan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM (SELANGOR) 1999

**KAEDAH-KAEDAH PENGURUSAN WASIAT ORANG ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2008**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 29, Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 [*Enakmen No. 4 tahun 1999*], Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Majlis Agama Islam Selangor membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I**PERMULAAN****Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pengurusan Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 2008** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 19 Jun 2008.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Enakmen” ertinya Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999;

“harta alih” ertinya harta fizikal yang boleh dialihkan ke tempat lain atau jika dialihkan ia tidak akan rosak atau binasa;

“harta tak alih” ertinya harta fizikal yang tidak boleh dialihkan ke tempat lain atau jika dialihkan ia akan rosak atau binasa;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam Selangor yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen No. 1 tahun 2003*].

BAHAGIAN II**PERMOHONAN WASIAT****Permohonan**

3. Permohonan sesuatu wasiat boleh dibuat oleh mana-mana orang Islam dan hendaklah mematuhi syarat kelayakan sebagai seorang pewasiat di bawah seksyen 6 Enakmen.

Borang

4. (1) Permohonan sesuatu wasiat boleh dibuat dengan menggunakan Borang A yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.
- (2) Borang A boleh diperoleh daripada Majlis dan Pejabat Agama Islam Daerah.

Dokumen sokongan

5. (1) Borang A hendaklah diisi dengan lengkap dan hendaklah disokong dengan dokumen yang berikut:
- (a) salinan sah dokumen pengenalan diri pewasiat;
 - (b) salinan sah dokumen pengenalan diri waris;
 - (c) salinan sah dokumen pengenalan diri dua orang saksi; dan
 - (d) salinan asal hak milik, sijil saham, sijil simpanan tetap atau dokumen berkaitan.
- (2) Tertakluk kepada subkaedah (1), setiap Borang A hendaklah dikemukakan kepada Majlis.

Pendaftaran

6. (1) Setiap permohonan yang diterima hendaklah didaftarkan ke dalam Daftar Wasiat.
- (2) Permohonan hendaklah didaftarkan setelah pewasiat membayar suatu fi yang ditetapkan oleh Majlis dalam Jadual Kedua.

BAHAGIAN III

PENULISAN WASIAT

Cara penulisan

7. Pewasiat hendaklah memasukkan maklumat yang terdapat di dalam Borang A ke dalam Borang Wasiat Bertulis yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Enakmen.

Semakan Borang Wasiat Bertulis

8. (1) Pewasiat dan saksi hendaklah menyemak kandungan Borang Wasiat Bertulis sebelum menandatanganinya.
- (2) Saksi bagi sesuatu wasiat hendaklah seorang Islam yang berakal, *baligh*, adil, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka.

BAHAGIAN IV

PENYIMPANAN WASIAT

Cara penyimpanan

9. Borang Wasiat Bertulis yang telah selesai ditandatangani oleh pewasiat dan dua orang saksi hendaklah disimpan dalam keadaan selamat oleh Majlis sebagai *wasi*.

Penyimpanan

10. Mana-mana wasiat yang dibuat dalam bentuk tunai, hendaklah didepositkan ke dalam akaun amanah Majlis.

Pindaan, pembatalan atau perubahan

11. (1) Dalam tempoh penyimpanan wasiat oleh Majlis, pewasiat boleh meminda, membatalkan atau mengubah wasiat yang dibuatnya dengan memberi suatu notis secara bertulis kepada Majlis akan maksud yang sedemikian.

(2) Apa-apa pindaan, pembatalan atau perubahan yang dibuat terhadap sesuatu wasiat hendaklah dibuat secara bertulis di hadapan dua orang saksi.

BAHAGIAN V

PEMBATALAN WASIAT

Pemberitahuan pembatalan

12. Tertakluk kepada Bahagian III Enakmen, pewasiat boleh, semasa tempoh wasiat berkuat kuasa memberitahu secara bertulis kepada Majlis atas apa-apa alasan lain untuk membatalkan wasiat.

Surat memberitahu pembatalan

13. Selepas menerima pemberitahuan di bawah kaedah 12, Majlis hendaklah memberitahu pewasiat secara bertulis mengenai pembatalan wasiatnya.

Permohonan selepas pembatalan

14. (1) Pewasiat bolehlah membuat permohonan baru sekiranya wasiat yang terdahulunya telah terbatal atau dibatalkan.

(2) Peruntukan dalam Bahagian II Kaedah ini hendaklah terpakai bagi setiap permohonan baru.

BAHAGIAN VI

KEMATIAN PEWASIAT

Pemberitahuan

15. Mana-mana saksi atau pewaris yang menjadi pihak dalam sesuatu wasiat hendaklah memberitahu kepada Majlis mengenai kematian pewasiat dengan mengemukakan sijil kematian pewasiat yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara atau apa-apa perintah mahkamah yang dibuat untuk maksud sedemikian.

Pengesahan

16. Majlis hendaklah mengesahkan maklumat kematian pewasiat berdasarkan sijil kematian pewasiat yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara atau apa-apa perintah mahkamah yang dibuat untuk maksud sedemikian.

BAHAGIAN VII

SIASATAN DAN PENILAIAN HARTA

Majlis mengadakan siasatan

17. Majlis boleh mengadakan suatu siasatan bagi memastikan kewujudan benefisiari dan sesuatu yang hendak diwasiatkan.

Siasatan ke atas harta pewasiat

18. Siasatan ke atas semua harta pewasiat hendaklah dibuat selepas berlakunya kematian pewasiat oleh mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa oleh Pengerusi Majlis untuk melaksanakan siasatan.

Penilaian harta tak alih

19. (1) Jika perlu, suatu nilaiann Hendaklah dibuat ke atas harta tak alih milik pewasiat bagi mendapatkan nilaiann sebenar harta berkenaan.

(2) Bagi maksud subkaerah (1), apa-apa fi atau yuran yang kena dibayar kepada penilai hendaklah ditanggung oleh benefisiari.

BAHAGIAN VIII**PEMBACAAN WASIAT****Pemberitahuan**

20. Majlis hendaklah selepas berlaku kematian pewasiat memberitahu secara bertulis kepada waris yang berkenaan, benefisiari dan saksi untuk membacakan surat wasiat pewasiat.

Kadar wasiat

21. (1) Waris hendaklah selepas kematian pewasiat, memaklumkan kepada Majlis jumlah harta pewasiat bagi memastikan kadar harta yang diwasiatkan oleh pewasiat adalah tidak melebihi satu pertiga.

(2) Sekiranya jumlah harta yang diwasiatkan melebihi satu pertiga daripada jumlah harta pewasiat, persetujuan daripada semua waris hendaklah diperoleh sebelum wasiat dilaksanakan.

Pembacaan wasiat

22. Setelah butir-butir mengenai harta pewasiat diterima, wasiat hendaklah dibacakan di hadapan waris, benefisiari dan saksi.

BAHAGIAN IX**PENGESAHAN WASIAT****Pengesahan wasiat di Mahkamah Syariah**

23. (1) Setiap permohonan pengesahan wasiat hendaklah dibuat di Mahkamah Syariah melalui notis dalam Borang B yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan disokong dengan afidavit bersumpah.

(2) Setiap permohonan pengesahan wasiat hendaklah menyatakan dengan sepenuhnya jenis perintah yang dipohon dan mengandungi fakta yang cukup terperinci berkenaan wasiat pewasiat.

(3) Perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah adalah bukti kukuh pengesahan wasiat yang dibuat oleh pewasiat dan hendaklah mengikat waris, wakil persendirian, pentadbir dan pemegang amanah.

(4) Subkaedah (1), (2) dan (3) hendaklah terpakai sekiranya timbul pertikaian daripada mana-mana pihak.

BAHAGIAN X**PELAKSANAAN WASIAT****Pelaksanaan wasiat**

24. (1) Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai *wasi* sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka si mati atau sebagai pemegang amanah mana-mana amanah.
- (2) Majlis hendaklah bertanggungjawab untuk melaksanakan apa-apa yang telah diamanahkan kepadanya bagi maksud pelaksanaan suatu wasiat.

BAHAGIAN XI**PELBAGAI*****Hukum Syarak***

25. (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Kaedah ini yang berlawanan dengan *Hukum Syarak* adalah terbatal setakat mana ianya berlawanan.
- (2) Jika terdapat lakuna atau apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata oleh Kaedah-kaedah ini, *Hukum Syarak* hendaklah terpakai.

Bayaran perkhidmatan

26. (1) Majlis boleh mengenakan apa-apa fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua sebagai bayaran sesuatu permohonan wasiat dan pelaksanaan wasiat.
- (2) Sebarang fi yang dikenakan oleh Majlis di dalam subkaedah (1) adalah muktamad.

Ketidakpatuhan

27. Ketidakpatuhan terhadap mana-mana peruntukan Kaedah-kaedah ini tidak boleh menyebabkan permohonan wasiat ditolak.
-

ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM (SELANGOR) 1999

KAEDAH-KAEDAH PENGURUSAN WASIAT ORANG ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2008

JADUAL PERTAMA

BORANG A

[subkaedah 4(1)]



جَمِيعَ اَنْعَامِ اِسْلَامِ سِلَانْجُور

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Unit Wasiat dan Amanah

Tingkat 10, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah,
Persiaran Masjid, 40000 Shah Alam, Selangor
No. Tel.: 03 5514 3400 / 3771 / 3773
No. Faks: 03 5512 4042

BORANG PERMOHONAN WASIAT

1. MAKLUMAT PEMOHON/PEWASIAH

No. Fail:

- 1.1 Nama Pemohon/Pewasiat:.....
- 1.2 No. KP: (Lama).....
(Baru).....
- 1.3 No. Pasport (Jika Ada):.....
- 1.4 Jantina: Lelaki/Perempuan*
- 1.5 Status: Kahwin/Bujang/Duda/Janda*
- 1.6 Alamat Surat Menyurat:
.....
.....
.....
- 1.7 Tarikh Lahir:..... Umur:.....

1.8 Pekerjaan:.....

1.9 Nama dan Alamat Majikan:.....

.....
.....
.....

1.10 Orang yang boleh dihubungi dan hubungannya dengan pewasiat:

BIL.	NAMA	ALAMAT	NO. KP/ NO. PASPORT	HUBUNGAN	NO. TEL.

2. MAKLUMAT PENERIMA WASIAT

BIL.	NAMA	ALAMAT	UMUR	NO. KP/ NO. PASPORT	HUBUNGAN

3. MAKLUMAT SAKSI

BIL.	NAMA	ALAMAT	NO. KP/ NO. PASPORT	PEKERJAAN	NO. TEL.

4. MAKLUMAT HARTA

4.1 SENARAI HARTA TAK ALIH

BIL.	JENIS	NO. HAKMILIK DAN NO. LOT	MUKIM/ DAERAH	BAHAGIAN	LUAS KESELURUHAN

4.2 SENARAI HARTA ALIH (Tunai/Akaun Bank/Saham/Insurans/Takaful dan Lain-Lain)

BIL.	JENIS HARTA	NO. AKAUN/NO. AHLI/DLL.

4.3 JENIS HARTA YANG HENDAK DIWASIAHKAN

5. HUTANG (SEKIRANYA ADA)

BIL.	NAMA PEMIUTANG	ALAMAT	JUMLAH

6. ARAHAN PEWASIAIT

7. PENGAKUAN PEWASIAT

Saya _____ No. KP: _____
 mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan ini adalah benar dan dengan
 ini saya bersetuju untuk melantik Majlis Agama Islam Selangor sebagai *wasi*
 bagi wasiat saya ini.

_____ Tarikh

_____ Tandatangan Pewasiat

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM (SELANGOR) 1999

KaedaH-Kaedah Pengurusan Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 2008

BORANG B

[subkaerah 23(1)]

PERMOHONAN (Tajuk Am)

Kepada(defendant yang dinamakan
di atas) yang beralamat di

Ambil perhatian bahawa

Pemohon yang dinamakan di atas akan memohon kepada Mahkamah Syariah
di pada hari Pada
haribulan 20..... pukul
pagi/petang untuk mendapatkan suatu perintah bahawa (1).....
.....

atas alasan yang dinyatakan dalam afidavit yang dilampirkan.

.....
Pemohon (Atau Peguam Syarie Bagi Pemohon)

CATATAN:

Jenis perintah yang dipohon hendaklah dinyatakan dengan tepat. Perkara-perkara
berlainan yang berbangkit dalam prosiding yang sama bolehlah diuruskan
dalam permohonan yang sama.

BENTUK AFIDAVIT

(Tajuk Am)

Saya,
 (nama, alamat dan perihalan deponen) bersumpah dan menyatakan seperti berikut:

(Nyatakan dalam perenggan bernombor fakta-fakta yang hendak dideposkan dalam afidavit)

1.
2.
3.
4.

Diangkat sumpah pada haribulan
 20 di)
 oleh)

.....
 Tandatangan

Di hadapan saya,

.....
 Hakim/Pendaftar
 Mahkamah Syariah

ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM (SELANGOR) 1999

KAEDAH-KAEDAH PENGURUSAN WASIAT ORANG ISLAM
 (NEGERI SELANGOR) 2008

JADUAL KEDUA

[subkaedah 6(2) & subkaedah 26(1)]

Jenis Perkhidmatan Pengurusan Wasiat MAIS dan Fi Pendaftaran:

Jenis Perkhidmatan	Fi untuk Pendaftaran Wasiat
1. Wasiat kepada bukan waris (1/3)	RM 200.00
2. Wasiat Amal Jariah (1/3)	Fi yang dikenakan merangkumi perkhidmatan berikut:
3. Pelantikan MAIS sebagai pentadbir harta pusaka	<ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran - Penulisan - Pindaan - Penyimpanan

Skala Fi Pelaksanaan Wasiat:

Bil.	Nilai Harta (RM)	Skala Fi	Jumlah (RM)
1.	Bagi 25,000.00 yang pertama	2%	500.00
2.	Bagi 50,000.00 yang berikutnya	1.5%	750.00
3.	Bagi 75,000.00 yang berikutnya	1%	750.00
4.	Bagi 100,000.00 yang berikutnya	0.5%	500.00
5.	Bagi 200,000.00 yang berikutnya	0.25%	500.00
6.	Jika nilai harta yang diwasiatkan itu melebihi 450,000.00	Boleh diroundingkan atas lebihan (tetapi tidak boleh melebihi 0.25% daripada lebihan itu)	

Dibuat 15 April 2008

[MAIS/BM/06/04/04; P.U. SEL. AGM/0037 Jld. 2]

DATO' SETIA HAJI MOHAMAD ADZIB BIN MOHD ISA
Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor

MUSLIM WILLS (SELANGOR) ENACTMENT 1999

**MUSLIM WILLS MANAGEMENT (STATE OF SELANGOR)
RULES 2008**

ARRANGEMENT OF RULES

PART I

PRELIMINARY

Rule

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

APPLICATION FOR WILL

3. Application
4. Form
5. Supporting documents
6. Registration

PART III

WRITING OF WILL

7. Manner of writing
8. Review of Written Will Form

PART IV

SAFEKEEPING OF WILL

9. Manner of safekeeping
10. Safekeeping
11. Amendment, invalidation or alteration

PART V**INVALIDATION OF WILL**

Rule

12. Notification of invalidation
13. Letter notifying of invalidation
14. Application subsequent to invalidation

PART VI**DEATH OF TESTATOR**

15. Notification
16. Verification

PART VII**INQUIRY AND PROPERTY VALUATION**

17. Majlis to hold inquiry
18. Inquiry on testator's property
19. Valuation of immovable property

PART VIII**READING OF WILL**

20. Notification
21. Proportion of bequest
22. Reading of will

PART IX**VERIFICATION OF WILL**

23. Verification of will before Syariah Court

PART X**EXECUTION OF WILL**

24. Execution of a testator's will

PART XI

MISCELLANEOUS

Rule

- 25. Islamic Law
- 26. Payment for services
- 27. Non-compliance

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

MUSLIM WILLS (SELANGOR) ENACTMENT 1999

**MUSLIM WILLS MANAGEMENT (STATE OF SELANGOR)
RULES 2008**

IN exercise of the powers conferred by section 29 of the Muslim Wills (Selangor) Enactment 1999 [*Enactment No. 4 of 1999*], His Royal Highness the Sultan with the advice of the Majlis Agama Islam Selangor makes the following rules:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

1. These rules may be cited as the **Muslim Wills Management (State of Selangor) Rules 2008** and shall come into operation on 19 June 2008.

Interpretation

2. In these Rules, unless the context otherwise requires—

“Enactment” means the Muslim Wills (Selangor) Enactment 1999;

“movable property” means a physical property which is capable of being moved or if move, it will not be damaged or destroyed;

“immovable property” means a physical property which is incapable of being moved or if altered, it will be damaged or destroyed;

“Majlis” means the Majlis Agama Islam Selangor established under subsection 4(1) of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*Enactment No. 1 of 2003*].

PART II

APPLICATION FOR WILL

Application

3. An application for a will may be made by any Muslim and shall comply with the competency conditions as a testator under section 6 of the Enactment.

Form

4. (1) An application for a will may be made by using Form A as specified in the First Schedule.

(2) Form A may be obtained from the Majlis and District Islamic Religious Office.

Supporting documents

5. (1) Form A shall be duly completed and shall be supported by the following documents:

- (a) a true copy of the testator's personal identification document;
- (b) a true copy of the heir's personal identification document;
- (c) a true copy of two witnesses' personal identification document; and
- (d) original copies of title, share certificates, fixed deposit certificates or related documents.

(2) Subject to subrule (1), every Form A shall be submitted to the Majlis.

Registration

6. (1) Every application received shall be registered in the Register of Wills.

(2) An application shall be registered upon payment by a testator of a fee as may be prescribed by the Majlis in the Second Schedule.

PART III**WRITING OF WILL****Manner of writing**

7. The testator shall enter the particulars contained in Form A into the Written Will Form specified in the Second Schedule of the Enactment.

Review of Written Will Form

8. (1) The testator and witnesses shall review the contents of the Written Will Form before signing the same.

(2) A witness to a will shall be a Muslim who is of sound mind, has reached the age of *baligh*, just, has good memory and is not prejudiced.

PART IV**SAFEKEEPING OF WILL****Manner of safekeeping**

9. The Written Will Form which has been duly signed by the testator and two witnesses shall be kept in the safe keeping of the Majlis as the executor.

Safekeeping

10. Any bequest in the form of cash, shall be deposited into a trust account of Majlis.

Amendment, invalidation or alteration

11. (1) Whilst the will in the safe keeping of the Majlis, a testator may amend, invalidate or alter his will by giving a notice in writing of such intention to the Majlis.

(2) Any amendment, invalidation or alteration of a will shall be made in writing in the presence of two witnesses.

PART V**INVALIDATION OF WILL****Notification of invalidation**

12. Subject to Part III of the Enactment, a testator may, whilst the will is in force, notify the Majlis in writing of any other reason for invalidation of the will.

Letter notifying of invalidation

13. Upon receiving the notification under rule 12, the Majlis shall notify the testator in writing, the invalidation of his will.

Application subsequent to invalidation

14. (1) A testator may make a new application where his earlier will is void or has been invalidated.

(2) The provisions in Part II of these Rules shall apply for every new application.

PART VI**DEATH OF TESTATOR****Notification**

15. Any witness or heir who is a party to a will shall notify the Majlis of the death of the testator by submitting the death certificate issued by the National Registration Department or an order of court, as the case may be.

Verification

16. The Majlis shall verify the death of a testator based on his death certificate issued by the National Registration Department or an order of court, as the case may be.

PART VII**INQUIRY AND PROPERTY VALUATION****Majlis to hold inquiry**

17. The Majlis may conduct an inquiry to ascertain the existence of the beneficiary and the subject of the will.

Inquiry on testator's property

18. An inquiry on all properties of the testator shall be made upon the death of a testator by any officer of the Majlis authorized by the Chairman of the Majlis to conduct an inquiry.

Valuation of immovable property

19. (1) Where necessary, a valuation of the testator's immovable property shall be made to obtain the actual value of the same.

(2) For the purposes of subrule (1), any fee or subscription payable to the valuer shall be borne by the beneficiary.

PART VIII**READING OF WILL****Notification**

20. The Majlis shall, upon the death of a testator, notify in writing, to the respective heirs, beneficiary and witnesses the reading of the testator's will.

Proportion of bequest

21. (1) The heirs shall upon the death of the testator notify the Majlis of the total property of the testator in order to determine the proportion bequeathed shall not exceed one-third.

(2) Where the total property bequeathed exceeds one-third of the total property of the testator, consent of all the heirs shall be obtained before execution of the will.

Reading of will

22. Upon receipt of the particulars on the testator's property the will shall be read in the presence of the heirs, beneficiaries and witnesses.

PART IX

VERIFICATION OF WILL

Verification of will before Syariah Court

23. (1) Every application for verification of a will shall be made to a Syariah Court by notice in Form B as specified in the First Schedule and supported by an affidavit under oath.

(2) Every application for verification of a will shall state in full the nature of the order applied for and contain full details of the facts of the testator's will.

(3) An order issued by the Syariah Court is a sufficient proof of verification of the testator's will and shall bind his heirs, personal representatives, administrators and trustees.

(4) Subrules (1), (2) and (3) shall apply in the event of a dispute by any party.

PART X

EXECUTION OF WILL

Execution of a testator's will

24. (1) The Majlis shall have the power to act as executor of a will or as administrator of the estate of a deceased person or as a trustee of any trust.

(2) The Majlis shall be responsible for the execution of anything entrusted to it for the purposes of execution of a will.

PART XI

MISCELLANEOUS

Islamic Law

25. (1) Any provision or interpretation of a provision under these Rules which is inconsistent with the Islamic Law shall, to the extent of the inconsistency, be void.

(2) In the event of a lacuna or in the absence of any matter not expressly provided for the these Rules, Islamic Law shall apply.

Payment for services

26. (1) The Majlis may impose any fee as may be prescribed in the Second Schedule as payment for application of will and execution of will.

(2) Any fee imposed by the Majlis under subrule (1) shall be final.

Non-compliance

27. Non-compliance with any provision of these Rules shall not cause the rejection of an application for will.

MUSLIM WILLS (SELANGOR) ENACTMENT 1999

MUSLIM WILLS MANAGEMENT (STATE OF SELANGOR) RULES 2008

FIRST SCHEDULE

Form A

[subrule 4(1)]



مَحْلِيسِ اَكْمَارِ اِسْلَامِ سِلاْعِنْ

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Unit Wasiat dan Amanah

Tingkat 10, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah,

Persiaran Masjid, 40000 Shah Alam, Selangor

Tel. No.: 03 5514 3400 / 3771 / 3773

Fax No.: 03 5512 4042

FORM FOR WILL APPLICATION

1. PARTICULARS OF APPLICANT/TESTATOR

File No.:

1.1 Name of Applicant/Testator:.....

1.2 IC No.: (Old).....
(New).....

1.3 Passport No. (If Any):.....

1.4 Sex: Male/Female*

1.5 Status: Married/Unmarried/Widower/Widow*

1.6 Correspondence Address:.....
.....
.....

1.7 Date of Birth:..... Age:.....

1.8 Occupation:.....

1.9 Name and Address of Employer:.....

.....
.....
.....

1.10 Persons who may be contacted and the relationship with the testator:

NO.	NAME	ADDRESS	IC NO./ PASSPORT NO.	RELATIONSHIP	TEL. NO.

2. PARTICULARS OF BENEFICIARIES

NO.	NAME	ADDRESS	AGE	IC NO./ PASSPORT NO.	RELATIONSHIP

3. PARTICULARS OF WITNESSES

NO.	NAME	ADDRESS	IC NO./ PASSPORT NO.	OCCUPATION	TEL. NO.

4. PARTICULARS OF PROPERTY

4.1 LIST OF IMMOVABLE PROPERTY

NO.	TYPE	TITLE NO. AND LOT NO.	MUKIM/ DISTRICT	PORTION	TOTAL AREA

4.2 LIST OF MOVABLE PROPERTY
(Cash/Bank Account/Shares/Insurance/Takaful and Others)

NO.	TYPE OF PROPERTY	ACCOUNT NO./MEMBERSHIP NO./ OTHERS

4.3 TYPE OF PROPERTY BEQUEATHED

NO.	TYPE OF PROPERTY

5. DEBTS (IF ANY)

NO.	NAME OF CREDITOR	ADDRESS	AMOUNT

6. TESTATOR'S DIRECTIONS

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

7. TESTATOR'S CERTIFICATION

I _____ IC No.: _____
certify that all the information herein provided is true and I hereby agree to
appoint the Majlis Agama Islam Selangor as the executor of my will.

Date

Signature of Testator

*Delete whichever inapplicable

MUSLIM WILLS (SELANGOR) ENACTMENT 1999

MUSLIM WILLS MANAGEMENT (STATE OF SELANGOR) RULES 2008

FORM B

[subrule 23(1)]

APPLICATION (General Title)

To (the above-named defendant of

Take notice that
the above-named Applicant will apply to the Syariah Court at
on (day) the day of 20.....
at a.m./p.m. for an order that (1)
.....
on the grounds set out in the affidavit attached.

Applicant (Or Peguan Syarie for the Applicant)

NOTE:

The nature of the order applied for shall be stated with precision. Different matters arising in the same proceedings may be dealt with in the same application.

FORM OF AFFIDAVIT

(General Title)

I,
(name, address and description of deponent) make oath and say as follows:

(State the facts to be deposed in numbered paragraphs in the affidavit)

1.
2.
3.
4.

Sworn on the day of
..... 20 at)
by

Signature

Before me,

Judge/Registrar
Syariah Court

MUSLIM WILLS (SELANGOR) ENACTMENT 1999

MUSLIM WILLS MANAGEMENT (STATE OF SELANGOR) RULES 2008

SECOND SCHEDULE

[subrules 6(2) & subrule 26(1)]

Type of Services of MAIS Wills Management and Registration Fee:

Type of Services	Fee for Registration of Will
1. Will to non heir (1/3)	RM200.00
2. Charitable Will (1/3)	Fee imposed is inclusive of services as follow:
3. Appointment of MAIS as executor	<ul style="list-style-type: none"> - Registration - Writing - Amendment - Safekeeping

Scale of Wills Execution Fees:

No.	Property Value (RM)	Scale of Fees	Total (RM)
1.	For the first 25,000.00	2%	500.00
2.	For the next 50,000.00	1.5%	750.00
3.	For the next 75,000.00	1%	750.00
4.	For the next 100,000.00	0.5%	500.00
5.	For the next 200,000.00	0.25%	500.00
6.	Where the properties value is in excess of 450,000.00	Negotiable on the excess (but shall not exceed 0.25% of such excess)	

Made 15 April 2008

[MAIS/BM/06/04/04; P.U. SEL. AGM/0037 Jld. 2]

DATO' SETIA HAJI MOHAMAD ADZIB BIN MOHD ISA
Chairman of the Majlis Agama Islam Selangor

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
 KUALA LUMPUR
 BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA